



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



LITERASI UNDANG-UNDANG DALAM KALANGAN GURU DI MALAYSIA

LEGAL LITERACY AMONG TEACHERS IN MALAYSIA

Suriati Suhaimi¹, Mohd Faiz Mohd Yaakob²

¹ Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: suriati_suhaimi@iab.edu.my

² Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mohdfaizmohdyaakob@gmail.com

Article Info:

Article history:

Received date: 15.04.2021
Revised date: 15.05.2021
Accepted date: 31.05.2021
Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Wahab, N. A., Salam, N. Z. M. A., & Dahalan, H. M. (2021). Kedudukan dan Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak di Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (24), 135-143.

DOI: 10.35631/IJLGC.624009.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Literasi undang-undang dalam kalangan guru sangat penting dalam konteks pendidikan di Malaysia terutamanya dalam mendepani pelbagai cabaran. Paparan kes melibatkan guru dan perundangan sering dipapar dalam media massa meninggalkan impak negatif terhadap dunia pendidikan itu sendiri sekaligus turut melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam isu ini. Kertas konsep ini membincangkan sorotan literatur untuk mengukuhkan bahawa literasi undang-undang begitu penting untuk dijadikan sebagai pemboleh ubah kajian. Tinjauan ini juga bersifat analisis dokumen, dengan mengkaji beberapa dokumen rasmi kerajaan seperti AKTA PENDIDIKAN 1996 (Akta 550), Tatacara Disiplin Murid Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Selain itu, Perlembagaan Persekutuan juga dijadikan rujukan utama dalam kertas konsep ini. Kajian ini mampu memberi panduan kepada guru dan pemimpin pendidikan agar tidak berdepan dengan risiko perundangan semasa menjalankan tanggungjawab mereka.

Kata Kunci:

Literasi Undang-Undang, Pentadbiran Pendidikan, Guru, Pelajar

Abstract:

Legal literacy among teachers is very important in the context of education in Malaysia, especially in facing various challenges. Cases involving teachers and the law often published in the mass media leaving a negative impact on the world of education itself as well as involving the Ministry of Education Malaysia. This concept paper discusses literature highlights to reinforce that legal literacy is vital to be used as a study variable. This survey applies

document analysis procedure, which includes a review of several official government documents such as the EDUCATION ACT 1996 (Act 550), Student Disciplinary Procedure, Education Regulations (School Discipline) 1959, and the Children Act 2001 (Act 611). The Federal Constitution is also used as the main reference in this concept paper. This study is able to provide guidance to teachers and educational leaders so as not to face legal risks while carrying out their responsibilities.

Keywords:

Legal Literacy, Educational Administration, Teachers, Students

Pengenalan

Perlembagaan Persekutuan merupakan doktrin tertinggi negara dalam memastikan kelangsungan pentadbiran sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mengamalkan raja perlembagaan. Cangkupan meluas dalam aspek pentadbiran dan kehakiman turut melibatkan pendidikan negara. Perundangan boleh didefinisikan sebagai alat untuk mempertahankan hak setiap individu dalam suatu kelompok masyarakat (Kamus Undang-undang, 2008). Manakala, literasi undang-undang boleh didefinisikan sebagai tahap pemahaman seseorang berkaitan undang-undang dan perundangan dalam pendidikan (Mohd Ismail Othman, 2008). Terdapat juga penyelidik lain yang mengutarakan definisi lain yang memberi makna dalam perspektif yang hampir sama seperti berikut:

Mempunyai asas dalam kompetensi undang-undang dan mampu menggunakan pengetahuan serta berfikir secara kritikal berkaitan proses dalam undang-undang, sumber perundangan dan mampu menggunakan pengetahuan tersebut apabila diperlukan. Manley-Casimir, Cassidy & Castell (1986)

Memahami undang-undang persekolahan serta tindakan yang perlu diambil oleh pemimpin sekolah (Rossow L.,F, 1990)

Tahap pengetahuan pemimpin sekolah dan guru terhadap undang-undang pendidikan yang memberi kesan terhadap tadbir urus organisasi. (Delaney (2009)

Memahami dalam konteks penulisan dan bacaan berkaitan undang-undang (Zariski, 2014).

Mendepani dunia pendidikan dilihat semakin mencabar dan menuntut guru lebih berpengetahuan dan memahami tanggungjawab sebagai guru dalam konteks perundangan pendidikan. Tambahan pula, norma baharu Covid-19 yang melanda dunia manambahbahkan lagi cabaran terhadap guru dan dunia pendidikan. Senario ini bukan sahaja memberi kesan terhadap dunia pendidikan di Malaysia malah turut menjejaskan pendidikan secara global.

Laporan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mendapati 150 buah negara telah terjejas yang memberi gangguan terhadap sistem persekolahan dan impak negatif yang berpanjangan terhadap pendidikan. Laporan UNESCO turut mendedahkan sebanyak 108 buah negara telah kehilangan purata 50 hari

pengajaran atau $\frac{1}{4}$ jumlah persekolahan secara keseluruhannya (UNESCO, 2020). Secara tidak langsung, trenda ini memberi petanda kepada Kementerian Pendidikan bagi memastikan semua pelajar mendapat hak mereka dalam pendidikan seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Pendidikan 1996 (Akta 550), Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611), Tatacara Disiplin Murid Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.

Desakan dan kesedaran ibu bapa dan masyarakat yang semakin meningkat sedikit sebanyak memberi tekanan kepada guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mendepani cabaran ini. Hal ini perlu diberi perhatian kerana peningkatan kes undang-undang membabitkan pentadbir dan guru semakin meningkat (Kutsyuruba, Murray, & Hogenkamp, (2019). Pandangan ini turut diakui oleh bekas Timbalan Menteri, Kementerian Dalam Negeri. Beliau mendedahkan, hampir setiap minggu ada ibu bapa yang membuat laporan polis terhadap guru dan menggunakan khidmat peguam di seluruh negara (Berita Harian, 27 Januari 2018).

Beliau turut mendedahkan antara punca guru didakwa di mahkamah adalah kerana tindakan menghukum atau mendenda murid yang melanggar disiplin sekolah. Kenyataan ini seharusnya dipandang serius oleh semua pihak terutamanya guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar lebih bersedia melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan undang-undang dan perundangan dalam pendidikan.

Literasi undang-undang dalam kalangan guru dilihat mampu memberi garis panduan dalam membuat keputusan yang berkait rapat dengan tugas sebagai guru agar tidak bertindak di luar batas dan tanggungjawab mereka. Keperluan literasi undang-undang ini bukanlah untuk menjadikan guru sebagai seorang peguam sebaliknya untuk melindungi diri dan juga pelajar. Seharusnya, perundangan itu sendiri memberi keadilan semua pihak sama ada guru dan juga murid seperti yang terkandung dalam Perkara 8, hak kesamarataan dan Perkara 12, hak mendapatkan pendidikan.

Tuntasnya, literasi undang-undang dan perundangan dalam pendidikan amatlah penting dalam kalangan pentadbir dan guru di sekolah. Tambahan pula, guru adalah antara penjawat awam yang sering berdepan dengan tindakan undang-undang membabitkan tanggungjawab mereka sebagai guru (Tie,2004). Dokumen-dokumen ini akan dikupas secara lebih mendalam bagi melihat dari sudut kepentingan semua pihak terutamanya guru, murid dan juga Kementerian Pendidikan.

Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk meneroka literasi undang-undang dalam kalangan guru di Malaysia. Kajian ini juga lebih tertumpu kepada perundangan dalam pendidikan kerana faktor limitasi. Kajian oleh Militello, Schimmel, and Eberwein (2009) telah mendapati hampir 87 peratus responden menyatakan keperluan literasi undang-undang dalam perkhidmatan mereka sebagai aspek yang penting manakala hampir 85 peratus responden menegaskan mereka akan mengubah tingkah laku mereka sekiranya mereka tahu tanggungjawab berkaitan hak guru dan murid. Wajarlah guru diberi pengetahuan dan dibimbing oleh pentadbir sekolah masing-masing agar literasi undang-undang akan meningkat.

Sorotan Karya

Literasi undang-undang telah lama diperkatakan oleh penyelidik luar negara dan juga tempatan. Penyelidik seperti Eberwein, 2008; Russo, (2011); White, (2012) telah melahirkan kebimbangan terhadap peningkatan kes yang melibatkan guru dalam perundangan. Literasi

undang-undang dalam kalangan guru bukan sahaja memberi tanggapan yang negatif terhadap guru malah menjejaskan emosi dan juga kehidupan guru itu sendiri (Schimmel & Militello, 2011; Trimble, 2018).

Tambahan pula, media massa sering memaparkan kes-kes yang membabitkan guru yang disabitkan dengan undang-undang pendidikan. Antara kes yang mendapat liputan yang meluas termasuklah kes Cikgu Azizan yang didakwa di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana menghukum muridnya (Astro Awani, 19 Disember, 2017). Walau bagaimanapun, Cikgu Azizan bin Manap telah dilepaskan tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Majistret Seremban setelah Jabatan Peguam Negara menarik balik kes ini. Namun begitu, tidak semua guru di luar sana akan bernasib baik seperti Cikgu Azizan bin Manap. Masih ramai guru yang berdepan dan akan berdepan dengan situasi seperti Cikgu Azizan sekiranya literasi undang-undang dalam kalangan guru tidak diberi perhatian.

Seiring dengan perubahan masa dan kemajuan pendidikan, tahap kesedaran ibu bapa turut meningkat. Guru kini berdepan dengan pelbagai cabaran dalam perundangan pendidikan yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya murid, ibu bapa, waris dan juga staf sendiri (DeMitchell, 2007; Militello, Schimmel, & Eberwein, 2009; Schimmel, Militello, & Eckes, 2011). Oleh itu, pengetahuan asas perlu diberikan kepada pentadbir dan pegawai pendidikan berkaitan perlembagaan dan juga dokumen perundangan yang berkaitan pendidikan agar lebih bersedia mendepani pelbagai isu (Moncrief-Petty, 2012; White-Batson, 2012). Literasi undang-undang yang rendah dalam kalangan guru akibat kurang faham dan salah faham berkaitan peraturan dan undang-undang yang berkait rapat dengan tugas sebagai guru hanya akan meletakkan diri mereka berada dalam risiko yang tinggi (Passaco, 2016).

Metodologi

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Analisis dokumen rasmi kerajaan seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Pendidikan dan Tatacara Disiplin Murid Peraturan-peraturan Pelajaran (disiplin pelajar) 1959 digunakan untuk melihat literasi undang-undang yang diperakukan. Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009; Babbie, 2010). Hasil daripada data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

Dapatan

Perlembagaan Persekutuan Dan Pendidikan

Dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan, undang-undang merujuk kepada undang-undang bertulis yang merangkumi Perlembagaan Persekutuan dan Pelembagaan Negeri-negeri, Akta-akta Parlimen serta perundangan kecil, Ordinan-ordinan atau Enekmn dan juga sebarang enekmen perundangan lain atau suratcara (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2004). Pengetahuan berkaitan Perlembagaan Persekutuan dilihat semakin penting untuk difahami dan dihayati oleh semua pihak terutamanya guru yang turut terikat sebagai penjawat awam. Guru sering melihat dokumen undang-undang sebagai suatu yang kurang penting dan hanya mengambil berat apabila mereka sendiri berdepan dengan situasi tersebut ((Schimmel & Militello, 2007).

Lantaran itu, Mohamed Ishak Abdul Hamid dan Nik Azahani, (2018) menegaskan bahawa hampir 90 peratus guru mempunyai literasi undang-undang yang rendah terutamanya berkaitan undang-undang pendidikan namun sedar keperluan literasi undang-undang dalam konteks pra dan dalam perkhidmatan perguruan. Dapatan yang mengejutkan ini walaupun tertumpu di kawasan Lembah Kelang, Selangor sahaja namun dapat memberi gambaran secara umum literasi undang-undang dalam kalangan guru secara keseluruhannya kerana kawasan kajian dilihat mempunyai akses maklumat yang cukup mudah berbanding guru di kawasan pedalaman.

Lebih membimbangkan lagi apabila negara dikejutkan dengan kes seorang pelajar perempuan yang menfailkan saman terhadap guru bahasa Inggerisnya, pengetua, pegawai pendidikan Daerah Kota Belud, ketua pengarah Jabatan Pendidikan Sabah, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia kerana mendakwa gurunya tidak masuk ke kelasnya selama tujuh bulan (Berita Harian, 30 Oktober, 2018).

Lebih merumitkan lagi apabila tiga pelajar perempuan dari sekolah yang sama turut menfailkan saman di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu terhadap guru yang sama dengan dakwaan melanggar Akta Pendidikan 1996. Mereka turut mendakwa hak asasi mereka telah dicabuli apabila gagal mendapatkan akses pendidikan seperti yang termaktub dalam Perkara 5 yang dibaca bersama Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan yang memberi jaminan sama rata kepada semua warga tanpa sebarang diskriminasi baik dari segi jantina, warna kulit, ras dan agama.

Tuntasnya, sekiranya pihak plaintif berjaya menunjukkan terdapatnya ‘keraguan yang munasabah’ dan mendapat ganti rugi sudah pasti kes ini menjadi rujukan kepada kes-kes seumpamanya pada masa hadapan. Oleh itu, literasi undang-undang dalam kalangan guru perlu ditingkatkan bukan sahaja dapat melindungi diri mereka malah anak murid mereka (Schimmel & Militello, 2007; Kutsyuruba, Murray, & Hogenkamp, (2019).

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Dan Pendidikan

Membicarakan perundangan dan literasi undang-undang guru, dokumen undang-undang negara seperti Akta Pendidikan 1996 adalah kitab utama yang dirujuk. Akta ini yang digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani. Terminologi guru dijelaskan dalam akta ini sebagai:

- i. individu yang mengajar di sesebuah organisasi
- ii. menyedia dan memeriksa bahan pengajaran di pusat pengajian termasuk pendidikan jarak jauh
- iii. guru yang berdaftar termasuklah guru besar dan pengetua

Terminologi ini bukan sahaja jelas dari segi fungsi dan tanggungjawab sebagai guru. Namun begitu, kegagalan guru untuk memahami dan menghayati akta ini sering menjerumuskan mereka ke kancah undang-undang.

Peningkatan literasi undang-undang guru bukan sahaja dapat membantu dalam proses menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, Burch (2014) malah dapat mengurangkan kos gantirugi serta tekanan emosi terhadap pentadbir dan guru (Schimmel & Militello, 2011; Trimble, 2018). Mengambil iktibar daripada kes pelajar tingkatan dua yang meninggal dunia akibat ditimpa tiang gol semasa mengikuti mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Sinar

Harian, 12 Oktober, 2020). Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah memerintahkan pihak defendan iaitu guru, pengetua sekolah, Pegawai Pendidikan Daerah dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia membayar ganti rugi am, ganti rugi kesedihan, kos pengkebumian dan kos guaman yang berjumlah RM128,000. Natiujahnya, keputusan mahkamah ini dilihat sebagai satu pengajaran kepada semua pihak agar menitik beratkan soal keselamatan agar tidak berlaku kecuaiian dalam pendidikan. Ini kerana kehilangan nyawa tidak dapat digantikan dengan wang ringgit. Tie (2002) menyatakan empat elemen penting yang perlu wujud sebelum seseorang guru itu boleh didakwa oleh pihak pendakwa:

1. Terdapat elemen berjaga-jaga seperti arahan yang dikeluarkan oleh pengetua atau guru besar kepada guru bagi mengajar pada sesuatu masa.
2. Tanggungjawab tidak dipatuhi dan guru tidak berada bersama-sama guru semasa sesi pengajaran.
3. Pelanggaran tanggungjawab telah memberi kesan kecederaan atau pelajar mengalami kerugian.
4. Terdapat kaitan yang rapat antara tingkah laku guru dengan kecederaan yang dialami pelajar.

Justeru, peningkatan gantirugi dari segi kewangan dan hukuman wajar dilihat oleh guru dan Kementerian Pendidikan dengan lebih serius. Di luar negara seperti Amerika Syarikat dan juga Kanada guru dilindungi dengan insurans liabiliti. Pihak berkuasa mempunyai dana khas insurans serta mewajibkan guru mempunyai insurans liabiliti. Saban tahun, kos perundangan meningkat dan dianggarkan setiap negeri membelanjakan antara \$45,000 hingga \$400,000 setiap tahun (Militello, Schimmel, and Eberwein, 2009) dan negara terpaksa menggunakan sebahagian besar daripada hasil cukai kerajaan (White, 2012).

Oleh itu, sudah sampai masanya guru dan Kementerian Pendidikan memikirkan alternatif bagi memberi perlindungan kepada guru dan juga pelajar. Kesatuan Perguruan Pendidikan Kebangsaan (KPPK) dilihat mula menawarkan khidmat guaman kepada guru yang terlibat dalam kes perundangan pendidikan. Namun begitu, perkhidmatan sosial ini terhad kepada guru yang menganggotai kesatuan ini. Sewajarnya, langkah yang bersifat strategik dapat membantu mengurangkan kerugian di pihak guru mahupun Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri.

Tatacara Disiplin Murid Peraturan-peraturan Pelajaran (disiplin pelajar) 1959

Punca kuasa guru dan pentadbir dijelaskan dengan terperinci dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (disiplin pelajar) 1959 dengan merujuk Peraturan 4 iaitu pengetua atau guru besar sebagai individu yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah sekaligus berkuasa ke atas guru dan juga pelajar.

Sungguhpun demikian, guru telah diperturunkan kuasa dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 dan juga Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/2001 iaitu semua guru adalah guru disiplin dan tidak meletakkan semua tanggungjawab disiplin semata-mata kepada pentadbir sekolah. Ini kerana setiap guru terikat dengan terma “in loco parentis” dan “duty of care”. In loco parentis bermaksud pengganti ibu bapa yang perlu bertindak secara munasabah bagi melindungi murid daripada kecederaan fizikal. Manakala, duty of care pula lebih kepada tanggungjawab menjaga seperti ibu bapa. Kedua-dua terma inilah sering menjadi asas terhadap dakwaan kecuaiian dan pelanggaran dalam pendidikan. Sungguhpun demikian, kuasa pengetua dan guru besar adalah lebih berat terikat kerana prinsip “respondeat superior” (let the master answer) yang bertanggungjawab secara langsung tentang perkara yang berlaku di sekolah.

Laporan Jemaah Nazir, (2018) menunjukkan kes dendaan dan juga hukuman adalah antara kes yang mengheret guru ke kancah dakwaan undang-undang. Perlanggaran peraturan berkaitan hukuman rotan, dendaan, hukuman di khalayak ramai (public canning) yang melampaui batasan sering menjadi penyebab ibu bapa atau waris menfailkan saman terhadap guru. Tindakan dendaan emosi dan menampakkan unsur perkauman turut mendapat aduan dalam kalangan ibu bapa dan waris. Tindakan seorang guru di sebuah sekolah rendah di Sungkai, Perak telah mengundang kemarahan ibu bapa dan masyarakat apabila memakaikan loceng di tengkuk dan memanggil lembu terhadap dua orang murid. Kesannya, Kementerian Pendidikan sendiri terpaksa campur tangan apabila waris mendakwa guru tersebut mengamalkan perkauman (Berita Harian, 27 Januari 2014). Walaupun tidak dipanjangkan ke mahkamah namun guru tersebut telah dikenakan tindakan tatatertib.

Tindakan menghukum pelajar perlu dilakukan secara berhemah dan mengikut peraturan. Imej guru dan Kementerian Pendidikan turut tercemar apabila berlaku perlanggaran dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai guru. Peraturan 5 dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (disiplin pelajar) 1959 dengan jelasnya menyatakan murid perempuan tidak boleh dirotan sama sekali. Manakala, murid lelaki hanya boleh dirotan di tapak tangan dan punggung yang berlapik. Selain itu, Peraturan 6 menyatakan kuasa merotan hanya boleh dilakukan oleh guru yang diberi surat kuasa merotan oleh guru besar atau pengetua sekolah.

Murid juga tidak boleh didera secara fizikal dan juga mental dengan kata-kata kesat yang mampu memberi kesan psikologi terhadap mereka. Lebih memalukan lagi apabila dendaan dan juga hukuman dirakam dan dikongsi kepada pihak lain. Hal ini telah membawa kepada perlanggaran dalam Akta Kanak-Kanak (Akta 611) di bawah perkara 15 (1) sekatan ke atas laporan dan media.

Oleh itu, dalam keghairahan menggunakan platform media sosial, guru perlu lebih berhati-hati agar tindakan mereka tidak didakwa di mahkamah. Kes-kes disiplin yang perlu ditangani dengan berhemah dan tindakan segera dengan menggunakan

Kesimpulan

Kepentingan literasi undang-undang dilihat sebagai satu keperluan kepada semua guru terutamanya apabila pendidikan secara global menuju ke arah kesejahteraan masyarakat. Doktrin tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Pendidikan 1996, Tatacara Disiplin Murid Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) perlu difahami dan dihayati oleh semua guru agar setiap tindakan dan keputusan yang dilakukan tidak melanggar undang-undang yang boleh membawa kepada kemudaratan kepada semua pihak.

Selain itu, beberapa doktrin yang menyokong kepada perundangan pendidikan seharusnya memberi keadilan kepada semua pihak. Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Malaysia (SUHAKAM) dalam artikel 10, menyatakan setiap individu berhak mendapat keadilan dan diberi peluang membela diri sendiri dan juga dengan bantuan pihak guaman. Selain itu, Artikel 11, menegaskan lagi bahawa setiap seorang tidak bersalah selagi tidak didapati bersalah. Artikel 22 pula menyatakan setiap individu berhak mendapat kebebasan ke atas keselamatan, kegiatan ekonomi, sosial dan juga budayanya.

Pelbagai dokumen undang-undang pendidikan ini wajar difahami dan dikongsi bersama-sama dalam perkongsian profesional agar setiap guru mendapat maklumat yang jelas dan tepat kerana kebanyakan maklumat berkaitan undang-undang yang diperoleh daripada pentadbir sekolah disalahtafsirkan dan tidak tepat (Militelto & Schimmel, 2008; Kutsyuruba, Murray, & Hogenkamp, 2019). Kegagalan memahami dan menghayati undang-undang dan perundangan pendidikan bukan sahaja memberi tanggapan yang buruk terhadap profesion perguruan malah memberi impak yang negatif terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu melihat isu ini secara lebih mendalam agar kes yang membabitkan guru dan perundangan pendidikan dapat dikurangkan. Kursus yang lebih berstruktur berkaitan perundangan pendidikan boleh dilaksanakan di peringkat pra dan pasca perkhidmatan. Institut latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan perlu memasukkan elemen perundangan pendidikan dalam modul kursus pemimpin sekolah agar pengetahuan tersebut dapat dikongsi bersama-sama guru dan menjadi garis panduan semasa menjalankan tanggungjawab mereka sebagai ketua dalam sesebuah organisasi.

Di samping itu, media sosial perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar menjadi medium yang dapat menyampaikan maklumat yang jelas kerana sudah sampai masanya setiap guru mempunyai literasi undang-undang agar sentiasa memastikan tanggungjawab dijalankan dengan penuh amanah dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Literasi undang-undang juga mampu menjadi benteng kepada setiap guru dalam menyokong keadilan dan hak asasi manusia semua pihak. Tidak ada sesiapa pun perlu dipersalahkan sekiranya tindakan berjaga-jaga telah dilakukan dan guru melakukan berupaya melakukan tindakan sewajarnya sekiranya berdepan dengan situasi yang boleh membawa kepada kemudaratan semua pihak. Bak kata pepatah, bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat. Kerjasama yang erat antara guru dan ibu bapa serta waris dapat memberi persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat sekaligus mengurangkan risiko perundangan antara guru dan pelajar.

Rujukan

- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Berita Harian. (27 Januari, 2014). Guru denda murid jadi lembu ditukar ke sekolah lain, 3.
- Burch, A. M. (2014). Evaluative study of legal literacy relative to principals' knowledge of the first, fourth, eighth, and fourteenth amendments and the impact on daily decision-making (Tesis PhD yang tidak diterbitkan).
- DeCino, D. A., Curtin, S., De Jong, D., Seedorf, S., & Dalbey, A. (2020). Educational Leaders' Perceptions of Legal Preparedness. *Journal of School Leadership*, 30(4), 375–389.
- Delaney, J. (2009). The value of educational law to practising educators. *Education and Law Journal*, 19 (2), 119-137.
- DeMitchell, T. A. (2007). *Negligence: What principals need to know about avoiding liability*. New York, Rowman & Littlefield.
- Drew Hopkins (2005). *Teachers, Students & the Law*. Melbourne: Victoria Law Foundation.
- Gullatt, D. E., & Tollett, J. R. (1997). Educational Law: A Requisite Course for Preservice and Inservice Teacher Education Programs. *Journal of Teacher Education*, 48(2), 129–135.
- Howard Jacob Eberwein (2014). Raising legal literacy in public schools, a call for principal leadership : a national study of secondary school principals' knowledge of public school law. (Disertasi tidak diterbitkan).
- Katy L. Delahoussaye. (2016). *A Comprehensive Analysis Of Educators' Legal Literacy In Texas*. In Tesis. Lamar University.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru. Kuala Lumpur: DBP
- Laporan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), 2020.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang.(2004).Undang-undang Am Malaysia. Jilid 1V. Petaling Jaya. International Book Services.
- Militello, M., Schimmel, D., & Eberwein, H. J. (2009). If they knew, the would change: How legal knowledge impacts principals' practice. National Association of Secondary School Principals Bulletin, 93, 27–52.
- Militello, M., Schimmel, D., & Eberwein, H. J. (2009). If they knew, they would change: How legal knowledge impacts principals' practice. NASSP Bulletin, 93(1), 27–52.
- Mohamed Ishak Abdul Hamid, Nik Azahani Nik Mohammad. (2018). International Journal of Business and Society, Vol. 19 S2, 2018, 187-204.
- Mohd Ismail Othman (2005). Undang-Undang untuk Pengetua dan Guru Besar. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. (2006). Akta 611,Akta Kanak-Kanak 2001.
- Philip H. Wagner (2008) The Legal Preparedness of Preservice Teachers, Action in Teacher Education, 30:2, 4-14.
- Posocco, S. C. L. (2016). The Importance of Legal Literacy in Education. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). Universiti Toronto, Ontario, Kanada.
- Pricillia Naidoo (2018). Legal Literacy: Aucland secondary school principal's understanding of educational law (Masteral dissertation, Aucland University of Technology).
- Rosmiza Kasim (2020, 12 Oktober). Anggap kematian anak terbela. Sinar Harian.
- Russo, C. J. (2011). The yearbook of educational law 2011. Dayton, Ohio: Education Law Association
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Sanchez Danday, A. S., & Danday, B. (2019). Legal Literacy of Teachers on Selected Laws and Jurisprudence Affecting School Operations. International Journal of Innovation Education and Research, 7(5).
- Schimmel, D. & Militello, M. (2007). Legal literacy for teachers: A neglected responsibility. Harvard Educational Review, 77(3), 257-284.
- Schimmel, D., Militello, M., & Eckes, S. (2011). Principals: An antidote to educational mal-practice. Education Week, 30, 24–25.
- Surat Pekeliling Ikhtisas. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tie, F. H. (2002). Undang-undang Pendidikan di Malaysia. Shah Alam: Fajar Bakti
- Tie, F. H. (2014). A Study on the Legal Literacy of Urban Public School Administrators. Education and Urban Society, 46(2), 192–208.
- Trimble, A. J. (2018). 'Working in the dark:' Principals and the law. Leading & Managing, 24, 16–32
- Wan Faizal Ismayatim (2018, 30 Oktober). Saman guru tak masuk kelas 7 bulan. Berita Harian, 3.